

PERANAN INTELEKTUAL Diterbitkan oleh Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), Petaling Jaya, Selangor. 2016. ISBN 9789670960104.

Buku PERANAN INTELEKTUAL ini pernah diterbitkan oleh Institut Analisa Sosial (INSAN) pada tahun 1987 dengan menggunakan judul yang sama iaitu PERANAN INTELEKTUAL. Akan tetapi edisi keluaran INSAN itu hanya mengandungi dua makalah sahaja iaitu pertama, “Peranan Intelektual” hasil karya Usman Awang dan yang kedua, makalah yang bertajuk “Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga” oleh Pramoedya Ananta Toer.

Terdapat perbezaan jumlah makalah dalam PERANAN INTELEKTUAL keluaran SIRD, pada tahun 2016 dengan keluaran INSAN pada tahun 1987. Keluaran edisi 2016 oleh SIRD mengandungi empat makalah iaitu pertama, dikekalkan makalah tulisan Usman Awang dengan tajuk “Peranan Intelektual” dan juga makalah kedua hasil tulisan Pramoedya Ananta Toer dengan tajuk yang sama iaitu “Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga”. Makalah yang ketiga ialah oleh Ahmat Adam yang bertajuk “Sang Intelektual di Kawasan Nusantara: Suatu Tinjauan Histories” dan yang keempat ialah bertajuk “Tradisi Intelektual Melayu dan Pembentukan Bangsa Malaysia: Beberapa Persoalan Sosial” oleh Rustam A. Sani. Perbezaan seterusnya selain daripada penambahan dua makalah yang baharu, ialah “Pendahuluan: Peranan Intelektual” dalam buku edisi terkini ditulis oleh Syed Husin Ali dan sebagai penutup buku ini dimasukkan juga sajak yang bertajuk “Cendekiawan Tanpa Pendirian” hasil karya Otto Rene Castillo.

Buku ini mengandungi 139 muka surat dan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami. Setiap tajuk makalah itu memberi gambaran kepada topik perbincangan. Malah dalam menghuraikan isi perbincangan pula, setiap pengarang memberikan sub-topik untuk lebih mudah memahami. “Pendahuluan: Peranan Intelektual” ini dikupas terlalu panjang seperti menulis satu makalah yang lain. Adalah molek jika bahagian pendahuluan ini hanya sekadar pengenalan kepada setiap tajuk sahaja supaya mendorong pembaca untuk membaca makalah berkenaan lebih lanjut pada tajuk dan tulisan sebenar pengarangnya.

Sebelum mengulas dengan lebih lanjut berkaitan dengan isi penting dalam setiap makalah, adalah lebih wajar jika diperkenalkan biodata setiap pengarang terlebih dahulu. Keempat-empat makalah dalam buku ini ditulis oleh pengarang yang berbeza termasuk juga sajak pada bahagian terakhir. Biodata penulis ini disusun mengikut makalah yang terdapat dalam buku ini. Juga biodata penulis ini tertera pada penghujung dalam setiap artikel. Walaupun penulis berbeza tetapi keempat-empat makalah ini mengangkat tema yang sama iaitu tentang “intelektual.”

(a) Usman Awang: Tajuk makalah “Peranan Intelektual”

Usman Awang ialah seorang Sasterawan Negara Malaysia. Beliau dilahirkan pada 12 Julai 1929 dan meninggal dunia pada 29 November 2001 ketika berusia 72 tahun. Dato’ Usman Awang lebih menggemari menggunakan nama penanya *Tongkat Warrant*, malah Dato’ Usman terkenal

sebagai seorang penyair dan ahli drama yang prolifik. Pada tahun 1991, Dato' Usman telah dianugerahi Darjah Kebesaran Dato' Paduka oleh Sultan Perak Darul Ridzuan. Bagi memperingati sumbangan Dato' Usman kepada masyarakat, sebuah sekolah kerajaan di Johor telah dibina dengan menggunakan nama beliau iaitu Sekolah Kebangsaan Dato' Usman Awang. Dato' Usman telah memberi sumbangan dalam pelbagai kepada masyarakat seperti penulisan sajak-sajak yang segar dan kukuh yang begitu akrab dengan akar budi Melayu termasuk dalam hal perikemanusiaan.

(b) Pramoedya Ananta Toer: Tajuk makalah “Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga”

Pramoedya Ananta Toer ialah seorang sasterawan Indonesia yang dianggap sebagai seorang pengarang yang produktif dalam sejarah sastera Indonesia. Pramoedya Ananta Toer dilahirkan pada tahun 1925 di Blora, Jawa Tengah, Indonesia. Pramoedya Ananta Toer meninggal dunia pada 30 April 2006 ketika berusia 81 tahun. Dalam sepanjang hayatnya, Pramoedya Ananta Toer telah Berjaya menghasilkan lebih 50 buah karya dalam pelbagai genre seperti novel, cerpen, esei, penulisan polemik dan juga kisah sejarah tentang masyarakat serta tanah air beliau.

(c) Ahmat Adam: Tajuk makalah “Sang Intelektual di Kawasan Nusantara: Suatu Tinjauan Histories”

Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam dilahirkan di Melaka pada tahun 1941. Beliau menerima pendidikan awal di sekolah Melayu dan Inggeris yang kemudiannya diteruskan di Maktab Perguruan Bahasa pada tahun 1961 hingga 1962. Seterusnya di Maktab Perguruan Ilmu Khas dalam bidang Seni Lukis dan kemudiannya menyambung pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya pada tahun 1967 hingga 1970 serta ijazah pasca siswazah di School of Oriental & African Studies, University of London pada tahun 1970 hingga 1075.

Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam antara sebilangan warga Malaysia yang membuat penyelidikan tentang sejarah Malaysia dan juga Indonesia. Antara karya utama yang diterbitkan sekitar lima tahun terkebelakang ialah *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*, Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2013, *Suara Minangkabau*, Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2012 dan *Letters of Sincerity: the Raffles Collection of Malay Letters, 1780-1823* yang diterbitkan oleh Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society pada tahun 2010. Buku terbaharunya ialah *Sulalat u's-Salatin sebuah edisi kritis dengan diberi pengantar dan anotasi* yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan makalah serta *The New Date of the Trengganu Inscription* yang diterbitkan dalam *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* pada Jun 2016.

(d) Rustam A. Sani: Tajuk makalah “Tradisi Intelektual Melayu dan Pembentukan Bangsa Malaysia: Beberapa Persoalan Sosial”

Rustum A. Sani ialah seorang ahli akademik, kolumnis surat khabar, penyair dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti politik, sosial dan sastera. Beliau pernah berkhidmat di Univeristi Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan ‘Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia.’ Antologi sajak yang bertajuk ‘Riak-riak Kecil’ telah dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1977. Pada tahun 1988/1989, Rustam telah mendapat anugerah berprestij iaitu ‘Hadiah Sastera Negara’ (National Literary Award) dalam kategori eseи dan kritikan sastera. Rustam dilahirkan pada 12 Ogos 1944 dan meninggal dunia pada 23 April 2008. Rustam mendapat ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya dan melanjutkan pelajaran di University of Reading, University of Kent di Canterbury dan Yale University.

Syed Husin Ali menulis “Pendahuluan: Peranan Intelektual” dengan mengupas keempat makalah di dalam buku ini secara terperinci. Syed Husin Ali membincangkan tentang “Peranan Intelektual” yang ditulis oleh Usman Awang dalam bidang politik, ekonomi dan sosial termasuk bidang pendidikan. Begitu juga ulasan Syed Husin Ali dalam makalah yang kedua, hasil tulisan Pramoedya Ananta Toer yang bertajuk “Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga.” Ulasan Syed Husin Ali tentang makalah ini yang membicarakan tentang peranan golongan intelektual dalam Dunia Ketiga yang berhadapan dengan Barat. Menurut Syed Husin Ali, terdapat perbezaan pendekatan Usman Awang dan Pramoedya Ananta Toer dengan Ahmat Adam dan Rustam A. Sani. Hal ini kerana Ahmat Adam dan Rustam A. Sani tidak merumuskan apa seharusnya sikap dan peranan intelektual dalam masyarakat. Akan tetapi mereka memerikan apa yang telah berlaku dalam masyarakat dan apa peranan yang berjaya atau tidak berjaya dilakukan oleh golongan intelektual yang wujud ketika itu.

Merujuk kepada makalah yang bertajuk “Peranan Intelektual” yang ditulis oleh Usman Awang. Sebenarnya makalah ini telah dibentangkan dalam satu ceramah kepada para pelajar Malaya dan Singapura di Malaysia Hall, London yang dianjurkan oleh London Union of Malaysian Students (LUMS), pada 25 Mei 1970. Usman Awang menjelaskan maksud intelektual dengan beberapa kategori maksud intelektual itu sendiri yang tanpa batasan dan ukuran dengan lebih terbuka. Apatah lagi, sikap pada seorang yang bergelar intelektual itu sendiri bergantung kepada “...pendirianlah yang menentukan sikap mereka iaitu sikap seorang intelektual progresif atau sebaliknya.” (halaman 28). Usman Awang melihat maksud intelektual itu ada empat kategori iaitu orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan otak (fikiran) yang sentiasa memperkembang ilmu pengetahuannya. Kedua, orang yang sentiasa berfikir (pemikir), menyumbang dan mengembang idea. Ketiga, orang yang memperguna ilmu dan ketajaman fikiran untuk mengkaji dan yang keempat ialah orang yang mengenal kebenaran serta berani untuk memperjuang kebenaran demi kemajuan dan kebebasan masyarakat.

Penulis menyentuh tentang sikap golongan intelektual melihat kemiskinan di kawasan luar bandar. Golongan intelektual perlu pergi mendekati masyarakat, mendengar suara mereka dengar fikiran terbuka dan menyelami perasaan mereka dengan jiwa perikemanusiaan. Bukan

hanya datang seperti pelancong dan seterusnya membuat kesimpulan bahawa mereka pemalas seperti yang pernah dikemukakan oleh pihak penjajah. Sikap pemalas mereka itu terbukti dengan keadaan kemiskinan dan kemunduran yang berlaku atas faktor keadaan kehidupan kampung yang ‘natural.’ Seharusnya kemunculan beberapa individu seperti Lincoln di Amerika, Sukarno dan Gamal Nasir membuktikan bahawa kerajinan, ketekunan, giat berusaha dan kegigihan akan memperoleh kejayaan. Cuma bilangan yang sedikit ini perlu ditingkatkan dengan kesungguhan masyarakat untuk lebih maju. Sistem ekonomi, sosial dan politik yang mendokong kemajuan masyarakat perlu ditingkatkan agar kekayaan tidak menyebelahi satu pihak sahaja.

Usman Awang menegaskan bahawa persoalan yang lebih penting ialah situasi masyarakat itu sendiri sama ada mendorong ke arah kemajuan dengan mementingkan ilmu pengetahuan, bergotong-royong, semangat tolong-menolong ataupun sistem masyarakat sebaliknya. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970 ialah antara contoh peranan golongan intelektual. Institusi ini mendorong agar masyarakat bersikap terbuka dalam bentuk persaingan yang sihat untuk mengejar ilmu pengetahuan. Jika ada dalam kalangan anggota masyarakat yang boleh menjelak kaki sehingga ke peringkat universiti ini “...*bukanlah mutlak kerana kerajinan dan ketekunan, tetapi oleh suatu nasib di mana ia terlepas dari ikatan dan sistem yang mencerutinya.*” (halaman 35) Soal sistem yang merantai masyarakat untuk terus maju dengan kehidupan yang lebih selesa perlu ditangani dengan bijaksana. Justeru itu, Usman Awang tidak menyetujui dengan konsep intelektual yang mengubah masyarakat dan menjadi pemimpin. Penulis menegaskan bahawa sejarah perubahan sesuatu masyarakat dan negara bukan kerana pimpinan dan perjuangan intelektual tetapi lahir dan timbul dari masyarakat dengan perjuangan rakyat itu sendiri. Perjuangan golongan intelektual dengan jumlah yang sedikit tidak mungkin memulakan suatu revolusi tetapi rakyatlah yang memulakannya. Lantas masyarakat berharap agar tiada pihak yang mengambil kesempatan dengan jawatan yang disandang dan sikap yang menindas serta tiada undang-undang yang digubal demi kepentingan pihak tertentu sahaja.

Seterusnya makalah kedua bertajuk “Sikap dan Peranan Kaum Intelektual di Dunia Ketiga” yang ditulis oleh Pramoedya Ananta Toer. Makalah ini merupakan petikan dari teks ceramah beliau di Universiti Indonesia atas undangan Senat Mahasiswa universiti itu. Cuma tiada catatan tarikh oleh penulis. Makalah ini juga membincarakan tentang peranan intelektual sama seperti tema penulis Usman Awang tetapi sedikit berbeza apabila intipati makalah ini lebih kepada sikap dan peranan intelektual dalam konteks Dunia Ketiga. Kebanyakan negara dalam Dunia Ketiga pernah dijajah oleh kuasa Barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan Jepun. Faktor ekonomi berbentuk perdagangan yang menjadi antara tujuan utama penjajahan. Contohnya, faktor perdagangan rempah-ratus menyebabkan Barat menguasai Nusantara. Perluasan empayar Barat telah berakhir dengan kebanyakan negara jajahan telah dimerdekakan. Penjajahan itu banyak mendatangkan keuntungan kepada kuasa Barat tetapi telah menyebabkan negara bekas jajahan berada dalam kemiskinan dan keterbelakangan dalam arus pembangunan. Barat menamakan

“Dunia Ketiga ini diberi nama manis:negeri/negara yang sedang berkembang (membangun).” Kesemua ini termasuk pengkategorian negara-negara Utara-Selatan adalah untuk tidak menonjolkan gelaran bekas negara jajahan dan bekas penjajah dan tidak menampakkan imej kaya-miskin.

Pramoedya Ananta Toer menggunakan kata Sahibul Hikayat untuk menjelaskan maksud kaum intelektual iaitu kaum yang menempatkan nalar (pertimbangan akal) sebagai memahami kebenarannya dengan penalarannya. Golongan intelektual juga diibaratkan sebagai satu gedung ilmu yang terbaik untuk membuat keputusan. Pramoedya Ananta Toer lebih cenderung melihat golongan intelektual dalam masyarakat Hinduisme yang mempunyai kasta. Kaum intelektual berada dalam kasta Brahmin. Cuma yang membezakan ialah kaum Brahmin moden menjadi jambatan pada masa depan. Untuk itu, penulis telah menyenaraikan 11 perkara berkaitan sikap dan peranan yang harus ada pada kaum intelektual yang diringkaskan di sini.

Kaum intelektual berperanan bergerak secara aktif untuk membangunkan budaya masyarakat Indonesia dan Dunia Ketiga. Mereka juga “tetap kritis terhadap potensi pengaruh budaya suku yang kalah dan mengajak kalah.” Kaum intelektual khususnya di Indonesia perlu “dilatih berani untuk mendapatkan keberanian” bangkit daripada kekalahan. Keberanian kaum intelektual ini penting untuk membangkitkan bangsa Indonesia agar terus maju. Sebagai golongan intelektual Indonesia, sudah pasti tempatnya adalah di Indonesia. Kaum intelektual Indonesia yang terlepas dari perhadapan dengan Barat sebagai “bahan sejarah … kerana mereka tanpa sedarnya akan terlepas dari ikatan sejarah, ikatan pengalamannya sendiri.” Barat berbangga dengan kekuasaan, kemajuan dan kemakmuran hasil daripada Dunia Ketiga dengan menganggap mereka adalah yang terbaik. Daripada sudut sejarah, masyarakat Dunia Ketiga mempunyai hak menuntut dari Barat “...pertanggungjawaban moral dengan konsekuensinya yang wajar dan manusiawi...” Barat sepatutnya melepaskan tanggapan bahawa Dunia Ketiga adalah pengikutnya. Malah Barat wajar membantu Dunia Ketiga agar menjadi dirinya sendiri

Justeru, kaum intelektual Indonesia sedang berlatih memperkuat keberanian intelektual dan keberanian moral untuk belajar menghadapi Barat yang bukan superior tetapi sebagai lembaga yang berhutang dengan Dunia Ketiga. Kekuatan peradaban Barat yang mampu berkembang dan bertahan berabad dalam sejarah umat manusia sepatutnya dipelajari secara kritis. Peranan kaum intelektual Indonesia sudah jelas. Gagasan perjuangan untuk melahirkan bangsa Indonesia diawali oleh mereka dengan kesedaran dan komitmen.

Makalah ketiga bertajuk “Sang Intelektual di Kawasan Nusantara:Suatu Tinjauan Histories” yang ditulis oleh Ahmat Adam. Menurut penulis, gejala intelektual dalam masyarakat Melayu-Indonesia adalah sesuatu yang baharu sekitar abad ke-20 di Indonesia dan lebih baharu di Malaysia. Pemakaian istilah ‘intelektual’ ini merujuk kepada ‘kelompok kecil yang secara

langsung menyumbang terhadap penciptaan, puncaran dan kritikan idea-idea. Namun begitu, istilah ‘cendekiawan’ telahpun wujud dalam hikayat-hikayat Melayu lama.

Bermula dengan bertapaknya agama Buddha di Sumatera telah membawa kepada perkembangan filsafat Buddha. Peninggalan agama ini jelas terbentuk pada kesenian bersifat ukiran dan pahatan pada candi-candi. Manakala filsifat Saiva-Buddha terpancar dalam karya-karya kepujanggaan keraton. Kedatangan Islam menyebakan munculnya kerajaan-kerajaan Melayu iaitu dengan kebangkitan kerajaan Pasai dan Aceh di Sumatera, kerajaan Melaka di Semenanjung dan Brunei di Kalimantan. Kejatuhan Melaka pada tahun 1511 telah memberi ruang kepada Aceh untuk menjadi pusat telaah Islam yang banyak mengundang lawatan para intelektual Islam. Ketika inilah munculnya Hamzah Fansuri. Kemunculan beberapa nama ‘intelektual’ peribumi pada abad ke-16 dan ke-17 telah bertembung dengan ketibaan Barat di pesisir negeri-negeri di Nusantara. Tun Sri Lanang sebagai pengarang *Sejarah Melayu* dan selepas itu Raja Ali Haji yang menghasilkan *Tuhfat al-Nafis*. Bidang kesusasteraan Melayu mengalami kemerosotan apabila berlaku pergolakan politik yang tidak menggalakkan sang intelektual untuk berkarya.

Generasi muda yang menerima pendidikan Barat melihat ketidakadilan yang dilakukan oleh penjajah terhadap masyarakat Indonesia. Pihak penjajah bersikap mengeneptikan anak watan dengan menempatkan golongan Eropah menyandang jawatan tertinggi dalam negara. Perasaan tidak puas hati ini telah mendorong kaum terpelajar bangkit membawa perubahan sosial dalam masyarakat yang dirasakan sudah ketinggalan zaman dan tidak mampu membawa masyarakat peribumi Indonesia ke gerbang pemodenan. Gagasan perubahan dimulai dengan menerbitkan surat khabar dan majalah berbahasa Melayu. Media cetak ini menjadi ‘suara’ perjuangan golongan intelektual. Mereka melontar kritikan tajam terhadap golongan feudal yang menjadi punca penyakit sosial masyarakat peribumi. Mereka menentang “adat sembah dan jongkok” yang dianggap “adat Mojopaitan” atau “adat kodokan” kerana semua itu dikehendaki oleh mereka yang “gila hormat.”

Sejurus itu, telah berlaku perbezaan pendapat antara ‘kaum muda’ dengan ‘kaum tua’ yang berlaku di Indonesia telah tersebar luas hingga ke Semenanjung Tanah Melayu. Semangat pemodenan keagamaan turut di bawa ke Semenanjung Tanah Melayu tetapi tidak berkembang kerana pemikiran keagamaan orang Melayu terikat dengan struktur masyarakat Melayu yang amat kefeudalan. Yang menjadi cabaran kepada golongan intelektual apabila adat istiadat Melayu yang tergenggam dalam tangan majlis agama yang dikuasai oleh Sultan adalah penghalang yang paling kuat untuk suatu gerakan keintelektualan agama memberi kesan kepada masyarakat Melayu. Pihak penjajah mengaut keuntungan dengan pegangan tradisi masyarakat Melayu yang menumpahkan taat setia kepada raja bererti taat setia kepada British. Sistem pentadbiran kolonial British mengekalkan pengaruh mereka apabila jawatan dalam pentadbiran British hanya disandang oleh para lulusan dari sistem pendidikan Inggeris. Situasi ini telah mengasingkan masyarakat elit baru Melayu yang berpendidikan Barat dengan rakyat jelata

daripada kaum tani yang mempunyai nilai-nilai norma tradisional yang menjamin keutuhan struktur masyarakat yang sedia wujud. Hal yang sama juga berlaku di Indonesia apabila golongan terpelajar ini dengan jumlah yang kecil tidak dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat kerana keterbatasan penguasaan bahasa Melayu.

Makalah yang keempat ialah hasil tulisan Rustam A. Sani bertajuk “Tradisi Intelektual Melayu dan Pembentukan Bangsa Malaysia: Beberapa Persoalan Sosial.” Makalah ini membicara tentang pembinaan negara bangsa. Penulis memberi maksud negara bangsa itu merupakan sebuah komuniti politik yang bersifat simbolis, yang dalam zaman moden ini seolah-olah merupakan komuniti politik yang dianggap lumrah. Perkara yang membezakan antara komuniti politik di dunia ialah segala macam unsur kehidupan sosial dan budaya yang dijadikan atas simbolis sesebuah negara bangsa asalkan simbol itu melambangkan kesepaduan. Proses pembinaan negara bangsa Malaysia perlu mengambil kira beberapa perbezaan yang wujud dengan mencari titik persamaan. Antaranya ialah krisis dalam kalangan pemimpin politik, sosio-budaya yang berbeza dengan adanya kepelbagaian etnik di Malaysia. Tradisi pemikiran yang menggunakan bahasa Melayu sebagai perantaraan pengucapan boleh mencorakkan pemikiran politik moden orang Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi penghubung dalam mewarisi tradisi keagamaan dan budaya ekspresif yang beraneka rupa dalam membantu perkembangan persuratan. Bahasa Melayu telah berlaku penyerapan unsur-unsur tradisi dan pengaruh dari tradisi Hindu, Islam dan Barat. Ini terjadi kerana selama ini alam Melayu menjadi gelanggang sosial dan budaya bagi pertemuan dan pertembungan beberapa peradaban agung.

Dalam usaha-usaha awal untuk mengungkapkan cita-cita pembentukan sebuah negara bangsa, beberapa langkah pentadbiran untuk mendorong ke arah ‘perpaduan nasional’ perlu dilihat supaya konsep kerukunan hidup bersama dan saling hormat-menghormati tercapai. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk mengatasi hambatan sosial terhadap tercapainya perpaduan nasional. Segala usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai macam tindakan pentadbiran yang memanfaatkan sumber negara dalam upaya melahirkan satu golongan baru dalam kalangan orang Melayu yang akan menguasai modal. Dalam masa yang sama, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sekadar bersifat simbolis dan pentadbiran. Akan tetapi berperanan sebagai bahasa perantaraan dalam segala aspek kehidupan sosial dan kehidupan berbangsa di negara ini. Juga berkeupayaan pengisian bahasa itu menjadi bahasa ilmu moden memainkan peranan penting dalam pengungkapkan cita-cita kebangsaan.

Cetusan gerakan nasionalisme dalam agenda pembinaan negara bangsa boleh dilaksanakan berdasarkan beberapa kelebihan dari segi persediaan. Pertamanya, unsur kewilayahannya negara bangsa itu boleh dianggap selesai. Yakni batas-batas kewilayahannya negara yang kini dikenali sebagai Malaysia dapat diambil sebagai asas mentakrif aspek kewilayahannya cita-cita kebangsaan tersebut. Kedua, gerakan dan cita-cita kebangsaan akan dipelopori oleh sebuah pemerintahan yang pastinya mempunyai keabsahan politik dengan penguasaan sumber-sumber negara untuk

mengerakkan gerakan itu. Perjuangan gerakan nasionalisme diharapkan berupaya untuk meruntuhkan aturan sosial kolonial yang ditinggalkan. Cabarannya di sini ialah keupayaan untuk memikul bebanan yang bersifat intelektual dan pemikiran untuk mengungkap cita-cita dan visi politik yang akan mencirikan bangsa. Penggunaan pelbagai istilah-istilah yang ‘dangkal’ dalam nasionalisme Melayu seperti *bumiputeraisme* (yang bersifat ekonomi cuma) dan *ketuanan Melayu* (yang bersifat hukum cuma) sebolehnya dihindari. Adalah lebih bertepatan jika pemikiran dan penyuluhan visi politik yang bersifat intelektual lagi kreatif ke arah pembentukan satu negara bangsa diperjuangkan.

Kesimpulannya, buku ini amat sesuai untuk pembacaan semua masyarakat tanpa mengira sama ada dia seorang intelektual atau bukan intelektual atau pun bakal seorang intelektual.

Ayu Nor Azilah Mohamad

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor